



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 4 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	30,000 SPOUSAL ABUSE CASES RECORDED SINCE 2021		NEGATIF
	https://thesun.my/malaysia-news/30000-spousal-abuse-cases-recorded-since-2021-DF15017848	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KEAMANAN SEJATI BERMULA DENGAN MENOLAK KEGANASAN		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/premium/2025/10/keamanan-sejati-bermula-dengan-menolak-keganasan/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KANAK-KANAK LELAKI, WARGA EMAS LEMAS DIHANYUT ARUS		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/10/kanak-kanak-lelaki-warga-emas-lemas-dihanyut-arus/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1270951/kanak-kanak-dan-wanita-warga-emas-lemas-dihanyutkan-kepala-air	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-wanita-warga-emas-ditemukan-lemas-dipercayai-dihanyutkan-kepala-air/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1453679/kanak-kanak-wanita-warga-emas-lemas-dihanyutkan-kepala-air	BHARIAN.COM.MY	
	https://sabahnews.com.my/kanak-kanak-warga-emas-lemas-dihanyutkan-kepala-air-di-tongod/	SABAHNEWS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	41 RUMAH DI DAERAH KUBANG PASU, BEBERAPA LOKASI DI POKOK SENA DINAIKI AIR		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1453910/41-rumah-di-daerah-kubang-pasu-beberapa-lokasi-di-pokok-sena-dinaiki-air	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	LELAKI OKU DIPUKUL SEKUMPULAN INDIVIDU DIDAKWA GANGGU WANITA		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/750685/berita/semasa/lelaki-oku-dipukul-sekumpulan-individu-didakwa-ganggu-wanita-di-surau	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	GURU DISYAKI ROGOL PELAJAR DI PARKIR PUSAT BELI-BELAH DIREMAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1270944/guru-disyaki-rogol-pelajar-di-parkir-pusat-beli-belah-direman	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/750669/berita/semasa/guru-direman-disyaki-rogol-pelajar-14-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/rogol-pelajar-14-tahun-guru-direman-empat-hari-bantu-siasatan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lelaki-direman-disyaki-rogol-pelajar	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/03/guru-direman-rogol-pelajar-berusia-14-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-disyaki-rogol-pelajar-direman-4-hari/	BULETINTV3.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/03/guru-disyaki-rogol-pelajar-14-tahun-direman	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/03/guru-sentuh-pelajar-di-parkir-direman/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/03/guru-direman-disyaki-rogol-pelajar-14-tahun-di-parkir-pusat-beli-belah/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/113560/teacher-remanded-over-alleged-rape-of-14-year-old-student-in-penang	THEVIBES.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/03/seberang-perai-teacher-remanded-on-suspicion-of-raping-14-year-old-student	THESTAR.COM.MY	
	https://malaysiapost.com.my/2025/10/03/guru-direman-disyaki-rogol-pelajar-14-tahun-di-parkir-pusat-beli-belah/	MALAYSIAPOST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KERANI DIDAKWA 'SENTUH' ANAK TIRI AUTISTIK		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/03/kerani-didakwa-sentuh-anak-tiri-autistik/	KOSMO.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-anak-tiri	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/lakukan-amang-seksual-fizikal-anak-tiri-lelaki-didakwa-di-mahkamah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1453692/lakukan-amang-seksual-fizikal-anak-tiri-lelaki-didakwa-di-mahkamah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1270986/kerani-tak-mengaku-amang-seksual-fizikal-anak-tiri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/750708/edisi/johor/kerani-tak-mengaku-amang-seksual-fizikal-anak-tiri	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/03/kerani-mengaku-tidak-bersalah-amang-seksual-fizikal-anak-tiri/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	LELAKI MENGAKU SALAH ROGOL ADIK ANGKAT		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1271001/lelaki-mengaku-salah-rogol-adik-angkat	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-mengaku-bersalah-rogol-kanak-kanak/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	AMANG SEKSUAL: GURU WARDEN DIPENJARA 15 TAHUN, 10 SEBATAN		NEGATIF
	https://suarasarawak.my/amang-seksual-guru-warden-dipenjara-15-tahun-10-sebatan/	SUARASARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30,000 spousal abuse cases recorded since 2021

Kirtinee Ramesh

2025-10-03 08:20 AM



Pix for representational purpose only - BERNAMAPIX

PETALING JAYA: More than 30,000 Malaysians have suffered domestic violence in the past five years, with men making up over a quarter of the victims, according to official data from the Women, Family and Community Development Ministry.

Its minister Datuk Seri Nancy Shukri revealed that between 2021 and June, police recorded 30,399 cases nationwide, involving 22,189 women and 8,210 men.

"The numbers clearly show that while women remain the majority of victims, men are also coming forward to report abuse.

"Domestic violence is not a private matter but a crime that has devastating consequences for individuals, families and society."

Over the same period, 4,610 cases were heard in court, resulting in 1,646 convictions.

She stressed that every report is investigated according to the law.

The Domestic Violence Act 1994 provides equal protection to male and female individuals. Every case is taken seriously and those affected are supported via legal, counselling and protection mechanisms.

Nancy said while most crisis shelters cater to women and children, the ministry, through the Social Welfare Department, provides temporary safe spaces for men.

"Plans are underway to strengthen such facilities under the Eliminate Violence Against Women Intervention Centre initiative, which would expand services in partnership with NGOs and community groups."

She said stigma remains a major barrier for men.

"We must break the cultural barrier that discourages men from reporting abuse. No one should feel ashamed to seek help."

The ministry has rolled out advocacy and counselling programmes that highlight inclusivity while the Women's Development Department has introduced initiatives such as Program Matahari, Program IRIS and Skwad Waja, alongside psycho-education workshops.

The National Population and Family Development Board is also stepping up its role in men's health and family support through wellbeing clinics for men, fertility treatment and the SmartStart marriage preparation programme.

Other initiatives, such as Parenting@Work, IlmuKeluarga@LPPKN and SmartBelanja, aim to strengthen family resilience, financial literacy and emotional wellbeing.

"These are part of our broader strategy to support not just women, but men and families as a whole," said Nancy.

Launched in 2021, the Skwad Waja volunteer initiative has grown to more than 339,000 members nationwide, with over 22% of them being men.

Volunteers are trained as first responders to violence in their communities, offering immediate psychosocial support and referrals.

Nancy said while flagship campaigns, such as Aku Wanita@KRT and Ending Violence Against Women, are still focused on women, her ministry is shifting to a more holistic approach.

"Our campaigns are inclusive. They are designed to highlight domestic violence as an issue that affects both genders, while also dismantling stigma and raising awareness of human rights and family wellbeing."

She reminded impacted individuals that help is available through Talian Kasih 15999, its WhatsApp channel at 019-261 5999, police stations, Social Welfare Department offices and 24-hour One Stop Crisis Centres in government hospitals.

"Domestic violence is not a private matter but a crime. No victim should suffer in silence. Every individual, whether man or woman, deserves to live free from fear and violence.

"The ministry is committed to working with communities, agencies and the public to foster a culture of respect, compassion and zero tolerance for abuse in Malaysia."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keamanan sejati bermula dengan menolak keganasan



Menghentikan kekejaman bukan sekadar menolak atau menghukum pelaku tetapi lebih kepada membangunkan masyarakat yang adil. Laporan ini akan memberi gambaran. - GABRIEL HASAN

danmuhammadkhalid.com 3 Oktober 2025, 5:59am

KEBELAKANGAN ini, banyak kes **keganasan** yang melibatkan kematian dilaporkan media massa.

Fenomena ini merangkumi pelbagai bentuk daripada keganasan domestik yang berlaku dalam rumah tangga, hinggalah kepada keganasan berskala besar di peringkat antarabangsa yang meragut ribuan nyawa.

Setiap bentuk keganasan ini membawa ketidakadilan dan penderitaan yang mendalam, bukan sahaja kepada mangsa, malah juga kepada keluarga, masyarakat, serta negara secara keseluruhannya.

Di Malaysia, keganasan domestik dan berasaskan gender merupakan antara isu yang semakin membimbangkan. Walaupun isu keganasan global seperti konflik bersenjata di Palestin sering mendapat tumpuan media, hakikatnya keganasan di dalam negara sendiri tidak boleh dipandang ringan.

Jika dibiarkan berterusan, ia boleh melahirkan generasi yang trauma, terpinggir dan kehilangan keyakinan terhadap sistem keadilan sosial.

Antara bentuk keganasan paling ketara ialah keganasan rumah tangga. Statistik menunjukkan hampir setiap hari terdapat laporan polis berkaitan kes sebegini. Keganasan terhadap pasangan sering berlaku dalam bentuk fizikal, mental, emosi mahupun ekonomi.

Trend peningkatan kes saban tahun membuktikan isu ini belum menemui penyelesaian tuntas walaupun sudah banyak kempen kesedaran dijalankan.

Selain itu, keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak juga masih merupakan masalah utama. Menurut dapatan UN Women, sekitar satu daripada tiga wanita di Malaysia mengalami keganasan fizikal atau seksual sekurang-kurangnya sekali dalam hidup mereka.

Angka ini amat membimbangkan kerana ia menggambarkan tahap keselamatan wanita di ruang awam mahupun di rumah masih rendah.

Kanak-kanak pula sering menjadi mangsa penderaan fizikal, seksual dan emosi. Kes penderaan kanak-kanak yang tular di media sosial menunjukkan masih wujud pihak tidak bertanggungjawab yang memperlakukan golongan kecil ini dengan kejam.

Keganasan terhadap kanak-kanak bukan sahaja menjejaskan tumbesaran fizikal malah memberi kesan psikologi yang mendalam sehingga dewasa.

Keganasan membawa kesan jangka panjang yang amat besar. Dari sudut psikologi, mangsa lazimnya mengalami trauma mendalam, gangguan keseimbangan, kemurungan dan masalah kesihatan mental lain.

Menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), mangsa keganasan cenderung menghadapi risiko gangguan tidur, masalah keyakinan diri dan sukar membina hubungan sosial yang sihat.

Kesan keganasan juga melangkaui aspek peribadi dan psikologi. Dari sudut ekonomi, keganasan menelan kos yang sangat tinggi. Negara perlu menyediakan dana besar bagi rawatan kesihatan, sokongan sosial, tempat perlindungan mangsa serta penguatkuasaan undang-undang.

Bank Dunia melaporkan keganasan domestik dan berasaskan gender berpotensi menelan kos lebih 15 trilion dolar setiap tahun di peringkat global. Ini bersamaan kira-kira 2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) dunia.

Kos ini bukan sahaja membebankan kerajaan, malah menjejaskan produktiviti ekonomi apabila mangsa kehilangan keupayaan untuk bekerja atau menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain itu, keganasan juga mengganggu kesejahteraan sosial. Masyarakat yang dibelenggu keganasan akan hilang rasa percaya antara satu sama lain. Kanak-kanak yang membesar dalam persekitaran ganas berisiko mengulangi kitaran tersebut pada masa hadapan. Hal ini boleh melahirkan masyarakat yang normalisasi terhadap keganasan, sekali gus merosakkan nilai kemanusiaan dan budaya saling menghormati.

BENDUNG KEGANASAN

Untuk menangani isu keganasan dengan berkesan, ia memerlukan kerjasama menyeluruh daripada kerajaan, pihak berkuasa, masyarakat dan individu. Setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan agar usaha membanteras keganasan bukan hanya terlekat di bahu pihak berkuasa semata-mata.

Dari sudut undang-undang, penguatkuasaan yang lebih ketat amat penting. Akta berkaitan keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak dan jenayah seksual perlu diperkatakan, dengan hukuman yang tegas sebagai pengajaran kepada pelaku. Namun undang-undang sahaja tidak mencukupi jika tiada pemantauan berterusan atau saluran aduan yang selamat untuk mangsa.

Selain itu, pendidikan dan kesedaran masyarakat juga perlu dipertingkatkan. Program pendidikan mengenai kesamarataan gender, hak asasi manusia, serta cara penyelesaian konflik tanpa keganasan perlu diperluaskan. Pendidikan awal di sekolah boleh membantu kanak-kanak memahami kepentingan menghormati orang lain dan menolak budaya ganas.

Dalam konteks sokongan kepada mangsa, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu menyediakan lebih banyak tempat perlindungan, talian bantuan dan perkhidmatan sokongan psikologi.

Talian Kasih 15999 misalnya, wajar dipromosikan dengan lebih meluas di media sosial seperti TikTok, Instagram dan Facebook agar mudah diakses, terutama oleh golongan muda. Kesedaran mengenai kewujudan saluran bantuan ini boleh menyelamatkan banyak nyawa.

Media massa dan platform digital juga memikul tanggungjawab besar. Liputan yang beretika, berfakta dan tidak sensasi terhadap kes keganasan penting bagi mendidik masyarakat. Pada masa sama, media boleh menjadi medium kempen kesedaran berterusan.

Menghentikan keganasan bukan sekadar menahan atau menghukum pelaku tetapi lebih kepada membangunkan masyarakat yang adil, berempati dan bertanggungjawab.

Pendidikan, sokongan, penguatkuasaan undang-undang dan pembudayaan nilai hormat-menghormati perlu digabungkan sebagai satu strategi holistik.

Malaysia perlu menekankan isu keganasan bukan masalah peribadi mangsa semata-mata tetapi merupakan isu sosial yang melibatkan semua pihak. Jika keganasan dibiarkan tanpa kawalan, ia akan merosakkan keharmonian, memalutkan struktur keluarga dan akhirnya mengganggu pembangunan negara.

Kesimpulannya, keganasan dalam pelbagai bentuk sama ada domestik, berasaskan gender atau berskala antarabangsa yang membawa kesan mendalam terhadap individu, masyarakat dan negara. Ia menjejaskan kesihatan mental, kesejahteraan sosial serta memberi implikasi ekonomi yang besar.

Membendung keganasan memerlukan tindakan kolektif meliputi undang-undang ketat, pendidikan kesedaran, penguatkuasaan berkesan, media beretika serta sistem sokongan mangsa yang menyeluruh.

Jika semua pihak bergandeng bahu, Malaysia berpeluang melahirkan masyarakat lebih selamat, berdaya tahan dan bebas daripada budaya ganas.

Hanya dengan itu, keamanan sejati dapat direalisasikan dan masa depan negara lebih terjamin. —UTUSAN

PENULIS ialah Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang Kampus Raub.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak lelaki, warga emas lemas dihanyut arus



MANCSA pertama seorang wanita warga emas ditemukan pada jarak kira-kira 250 meter dari lokasi mangsa dilaporkan hanyut dibawa arus deras dalam kejadian di Tongod, Sabah semalam. - IHSAN JBPM SABAH

Oleh NASRAWATI SYARIFUDDIN 3 Oktober 2025, 11:41 am

SANDAKAN: Seorang wanita warga emas dan seorang kanak-kanak lelaki meninggal dunia selepas lemas dihanyutkan arus deras ketika cuba menyelamatkan diri ke kawasan lebih tinggi ketika banjir dalam kejadian di Kampung Bangkulat Imbak Timbangan Evogold Sdn. Bhd., Tongod di sini semalam.

Kejadian berlaku kira-kira pukul 9 malam semalam ketika kedua-dua mangsa berusia 79 dan tujuh tahun itu dipercayai cuba menyeberangi laluan jalan raya yang ditenggelami limpahan air akibat kepala air dari hulu sebelum mereka dihanyutkan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kinabatangan, Hairi Otuh berkata, pihaknya menerima panggilan pukul 9.46 malam dan menggerakkan sepasukan lima anggota ke lokasi sejauh 169 kilometer dan tiba pukul 3.01 pagi tadi.

"Hasil pencarian awal berjaya menemukan mangsa pertama seorang wanita warga emas pada jarak kira-kira 250 meter dari lokasi mangsa dilaporkan hanyut.

"Mangsa kedua seorang kanak-kanak lelaki pula ditemukan kira-kira 200 meter dari lokasi penemuan mangsa pertama," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, kanak-kanak terbabit dipercayai cuba melintasi laluan yang ditenggelami arus deras bersama ibunya untuk ke kawasan selamat namun genggamannya terlepas sebelum mangsa dihanyutkan.

"Kedua-dua mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut. Tiada operasi pemindahan dijalankan berikutan air sungai sudah surut dan operasi ditamatkan pukul 5 pagi," jelasnya. – **UTUSAN**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



41 rumah di daerah Kubang Pasu, beberapa lokasi di Pokok Sena dinaiki air

Oleh Zuliaty Zulkifli - Oktober 3, 2025 @ 10:05pm



Anggota APM melakukan pemantauan di lokasi banjir di kilat di daerah Kubang Pasu. - Foto ihsan APM

JITRA: Jumlah kediaman yang dilanda banjir kilat susulan hujan melanda daerah ini meningkat kepada 41 di enam kampung membabitkan tiga mukim yang dilaporkan setakat jam 9 malam tadi.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Kubang Pasu, Kapten (PA) Mohd Adenin Suhaimi, berkata antara rumah yang terjejas adalah Kampung Muhibbah (15); Kampung Paya Tok Teh (1); Kampung Tengah Malau (12); Kampung Kamunting Baru (1); Kampung Naga (5) dan Kampung Tok Jalai (7).

Beliau berkata, hujan lebat bermula sejak jam 2 petang tadi menyebabkan beberapa kediaman di Mukim Malau, Bukit Tinggi dan Mukim Naga dinaiki air.

"Bagaimanapun, tiada pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka setakat ini. Namun, pemantauan terus dilakukan berikutan paras air di Kampung Paya Tok Teh, Kampung Naga dan Kampung Tok Jalai menunjukkan trend menaik.

"Paras air di Kampung Muhibbah, Kampung Tengah Malau dan Kampung Kamunting Baru menunjukkan trend menurun," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mohd Adenin berkata, setakat ini anggotanya sedang mengumpul maklumat berkaitan mangsa yang terjejas dalam banjir kilat itu dan menasihatkan mereka supaya bersiap sedia untuk berpindah sekiranya diarahkan.

Katanya, operasi menyelamatkan turut disertai agensi lain termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lain-lain.

Sementara itu, tinjauan di media sosial setakat jam 8.30 malam tadi mendapati, beberapa kawasan di Pokok Sena terus dinaiki sehingga menyebabkan ada yang kenderaan terkandas.

Setakat ini operasi penyelamatan dan pemantauan masih dilakukan oleh pihak Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan pasukan bomba di kawasan yang terjejas dinaiki air berikutan keadaan masih lagi hujan.

Hujan lebat sejak petang tadi menyebabkan beberapa kawasan di negeri ini dilanda banjir kilat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki OKU dipukul sekumpulan individu didakwa ganggu wanita



MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

Follow

03 Oktober 2025 11:55am



Seorang lelaki kurang upaya cedera selepas dipukul sekumpulan individu gara-gara didakwa mengganggu seorang wanita di surau dan kedai makan di Kompleks Hentian Kajang, di sini, bulan lalu. Gambar hiasan

KAJANG – Seorang lelaki kurang upaya cedera selepas dipukul sekumpulan individu gara-gara didakwa mengganggu seorang wanita di surau dan kedai makan di Kompleks Hentian Kajang, di sini, bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata, siasatan awal mendapati kejadian berlaku pada 10 September lalu sebelum tular rakaman video berdurasi 51 saat yang memaparkan mangsa dipukul di kawasan awam.

"Mangsa lelaki tempatan berusia 31 tahun mengalami kecederaan di muka dan mulut sebelum mendapatkan rawatan di Hospital Kajang.

"Mangsa turut ditahan di Wad Psikiatri selama 20 hari kerana merupakan pesakit bipolar disorder," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Katanya, siasatan mendapati insiden dipercayai berlaku selepas mangsa dikatakan mengganggu seorang wanita di surau serta sebuah kedai makan berhampiran.

"Susulan maklumat diterima, polis menahan empat lelaki tempatan dan seorang lelaki warga Indonesia berusia antara 20 hingga 37 tahun di sekitar Hentian Kajang pada 2 Oktober lalu.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 323 dan 506 Kanun Keseksaan," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian tampil membantu siasatan dengan menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Nur Fatimah Awang di talian 011-25703695 atau balai polis berhampiran.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru disyaki rogol pelajar di parkir pusat beli-belah direman

Audrey Dermawan
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Balik Pulau: Seorang guru sekolah menengah di Seberang Perai di sini, direman selama empat hari bagi membantu siasatan kes rogol seorang pelajar perempuan berusia 14 tahun.

Perintah reman terhadap suspek berusia 32 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Chia Huey Ting, berkuat kuasa hari ini hingga 6 Oktober depan bagi membolehkan polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan.

Terdahulu, suspek yang memakai kemeja-T lengan panjang berwarna kuning dan seluar sukan, tiba di mahkamah pada jam 8.14 pagi dengan diiringi anggota polis.

Difahamkan, suspek menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya selepas mangsa, yang juga pelajar di sekolah sama, membuat laporan mengenai kejadian itu.

Mangsa melaporkan dirogol oleh suspek di tempat letak kereta terbuka sebuah kompleks beli-belah di Persiaran Bayan Indah di sini, pada November lalu.

Disiarkan pada: Oktober 3, 2025 @ 10:39am

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SEORANG kerani dituduh melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya yang juga kanak-kanak autism di Mahkamah Sesyen Johor Bahru hari ini. Foto oleh BAZLAN IBRAHIM/KOSMO!

Kerani didakwa 'sentuh' anak tiri autistik

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI 3 Oktober 2025, 12:19 pm

JOHOR BAHRU – Seorang kerani sebuah syarikat logistik mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dakwaan melakukan perbuatan amang seksual terhadap anak tirinya yang juga merupakan kanak-kanak autism di Pontian, dua tahun lalu.

Tertuduh yang berusia 45 tahun itu membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Madiah Zainol.

Berdasarkan kertas pertuduhan, dia didakwa telah memegang bahagian privasi kanak-kanak yang berusia 9 tahun ketika itu di sebuah kediaman di Pontian pada pukul 12.30 tengah hari, 19 Jun 2023.

Atas kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16(1) akta yang sama. Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebat dan tambahan penjara hingga lima tahun dan hendaklah disebut tidak kurang dua kali.

Timbalan Pendakwa Raya, Zuhainie Zull Kaffi tidak mencadangkan jaminan memandangkan tertuduh masih mempunyai ikatan perkahwinan dengan ibu mangsa dan dikhuatiri akan mengganggu saksi-saksi kes.

Peguam mewakili tertuduh, K. Veeranesht bagaimana pun meminta mahkamah memberi jaminan kerana tertuduh dan ibu mangsa sudah tidak tinggal bersama sejak Ogos 2023.

"Tertuduh bekerja sebagai seorang kerani syarikat logistik dengan pendapatan RM1,700 sebulan. Tertuduh juga mempunyai tiga anak yang masih bersekolah daripada perkahwinan terdahulu, selain seorang lagi anak lelaki berusia 4 tahun bersama ibu mangsa,"katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin, selain empat syarat tambahan yang perlu dipatuhi.

Syarat itu adalah tertuduh tidak boleh ganggu mangsa atau saksi, pasport perlu diserahkan kepada mahkamah, lapor diri di balai polis berhampiran serta pertemuan dengan anak lelakinya hanya boleh dibuat di balai polis.

Madiah kemudian turut menetapkan tarikh 6 November depan untuk sebutan semula kes serta penyerahan dokumen.—KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki mengaku salah rogol adik angkat

Abdul Rahemang Taiming
am@hmetro.com.my



Tertuduh berusia 33 tahun (mohon BLURKAN wajah) mengaku salah merogol kanak-kanak perempuan bawah umur yang juga adik angkatnya, dalam kejadian di Semporna bulan lalu. FOTO Abdul Rahemang Taiming

Tawau : Seorang lelaki mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol adik angkatnya yang juga kanak-kanak perempuan bawah umur di sebuah rumah tidak bernombor dekat Semporna, bulan lalu.

Tertuduh berusia 33 tahun yang juga pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Indonesia membuat pengakuan itu pada prosiding di hadapan Hakim Ahmad Faizadh Yahaya.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol kanak-kanak perempuan berumur 15 tahun yang masih bersekolah itu di rumah mangsa kira-kira jam 4.30 pagi, pada 22 September lalu.

Bagi kesalahan itu, pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, kejadian berlaku ketika mangsa sedang tidur terjaga selepas menyedari badannya diraba sebelum tertuduh bertindak melakukan perbuatan terkutuk itu.

Selepas kejadian, tertuduh melarikan diri keluar dari rumah.

Mangsa tampil membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna pada 27 September lalu sebelum sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) IPD Semporna berjaya menangkap tertuduh pada hari yang sama.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh adalah anak angkat yang dipelihara keluarga mangsa sejak berusia 11 tahun.

Pendakwa dikendalikan Pegawai Pendakwa Asisten Superintenden Jeffrey Kadisun tidak menawarkan sebarang jaminan dan Mahkamah menetapkan 24 November ini sebagai tarikh sebutan semula kes sementara menunggu laporan perubatan mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tertuduh dibawa ke bilik tahanan mahkamah oleh anggota polis.

Amang Seksual: Guru warden dipenjara 15 tahun, 10 sebatan

KUCHING: Seorang guru warden di sebuah sekolah berasrama penuh dijatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen, selepas didapati bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar lelaki berusia 16 tahun.

Hakim Musli Abdul Hamid menjatuhkan hukuman demikian terhadap tertuduh yang berusia 42 tahun tersebut apabila pihak pendakwaan berjaya menimbulkan kes prima facie pada akhir pendakwaan kes.

Tertuduh yang berkhidmat sebagai guru selama 15 tahun itu didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan dibaca bersama Seksyen 14 Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan.

Dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki berusia 16 tahun dengan menyentuh kemaluan mangsa.

Tertuduh melakukan kesalahan itu di sebuah kediaman warden yang terletak di tingkat dua asrama lelaki di sebuah sekolah asrama penuh di Kuching, sekitar 6.30 pagi, 28 Oktober 2022.

Difahamkan, tertuduh melakukan perbuatan terkutuk itu ketika mangsa datang ke kediaman warden untuk mendapatkan bantuan kerana dia mengalami demam panas.

Dalam menyampaikan keputusan, mahkamah berpendapat bahawa kelewatan mangsa membuat laporan polis pada 18 November 2023 dan dipanggil membuat keterangan mahkamah pada 24 Oktober 2024, adalah munasabah berdasarkan alasan yang sah.

"Ia berikutan, mangsa berasa malu untuk tampil membuat laporan dan bimbang akan mengganggu persediaan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan datang.

Selain itu, tiada bukti menunjukkan tertuduh tidak berada di kawasan sekolah walaupun tertuduh menyatakan bahawa dia tidak bertugas pada tarikh kejadian.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Asmawi Nur Haqim Mokhtar memohon agar hukuman setimpal dikenakan ke atas tertuduh kerana perlu mengambil kira trauma yang dialami mangsa.

Selain itu, mengambil kira tugas tertuduh sebagai seorang guru warden yang sepatutnya melindungi keselamatan mangsa, selain sikap integriti sebagai warga pendidik.

Manakala, peguam bela Steven Beti yang mewakili tertuduh memohon agar hukuman ringan dikenakan kerana tertuduh memberi kerjasama penuh sepanjang perbicaraan kes, dan berkhidmat selama 15 tahun sebagai guru.

Musli memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara berkuat kuasa 2 Oktober 2025, selain diperintahkan mendapatkan rawatan kaunseling ketika di penjara.

Tertuduh juga diperintahkan di bawah pengawasan pihak polis selama tiga tahun selepas menjalani hukuman penjara.